

03 AUG 2003

Mahathir-Air (Bergambar)

DR MAHATHIR YAKIN S'PURA AKAN LENGAHKAN PROSES TIMBANG TARA

PORT DICKSON, 3 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Singapura akan melengah-lengahkan proses timbang tara untuk menyelesaikan isu air dengan Malaysia.

"Saya yakin Singapura akan melengah-lengahkannya kerana mereka harap bila 2011, maka tamatlah perjanjian," katanya mengulas keputusan kerajaan Malaysia menggunakan timbang tara untuk menyelesaikan isu air dengan Singapura.

Dr Mahathir ditemui selepas menghadiri Hari Keluarga Badan Kebajikan dan Sukan Pejabat Perdana Menteri di Hotel Guoman dekat sini hari ini.

Hari keluarga itu turut dihadiri isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali bersama lebih 500 kakitangan dan anggota keluarga Pejabat Perdana Menteri.

Perdana Menteri berkata Malaysia akan cuba mengusahakan secepat mungkin proses timbang tara dengan Singapura itu.

Ditanya mengenai dakwaan kononnya Malaysia cuba memperolehi pendapatan besar dan cuba menyekat pembangunan Singapura dalam isu air itu, Dr Mahathir menafikannya sama sekali.

"Tak banyak mana kita punya pendapatan. Kita cuma pegang kepada prinsip. Ini 3 sen (setiap 1,000 gelen air mentah), tak bayar pun tak apa, tapi dari segi prinsip, apabila jual barang, kita beli barang, hendaklah dengan harga yang berpatutan," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia menerangkan isu itu kepada semua pihak kerana Singapura yang memulakan tuduhan terhadap Malaysia.

"Kita tak perlu terangkan melainkan kalau mereka tak mula dengan membuat tuduhan yang tidak berasas kepada kita terutama Menteri Luar Singapura yang membuat kenyataan di Parlimen, keluarkan surat-surat kita, dedahkan surat-surat kita dan selepas itu buat buku.

"Kita cuma nak terang yang benar sahaja, tak ada lain," katanya.

Ditanya mengenai sebuah artikel yang ditulis seorang penulis sambilan Singapura, Chen Jinshun yang bertajuk "Tunku Abdul Rahman Dicemar Secara Tak Langsung (Lianhe Zoo Boo - 28/7/03), Perdana Menteri berkata ia bertujuan untuk mengalih pandangan daripada perkara sebenarnya.

"Isu yang sebenar adalah harga air 3 sen. Pasal dulu kita tak ada kuasa, jadi kita pun nak timbang juga masalah yang dihadapi kerajaan Singapura semasa kita berunding.

"Kita jumlah semua, kalau dia (Singapura) bayar 1,000 gelen RM10 pun, dia tak akan miskin.

"Singapura kaya dan pendapatan per kapita dia ialah \$24,000, kita cuma RM4,000 sahaja. Macam mana kita nak bagi dia begini. Dia negara kaya," katanya.

Sebelum itu pada sambutan Hari Keluarga berkenaan, Dr Mahathir pada sebelah pagi menyertai acara taichi dan senamrobik bersama isterinya.

Dalam pertandingan teh tarik kemudian, Dr Mahathir diisytiharkan pemenang bahagian lelaki manakala Dr Siti Hasmah memenangi tempat kedua bahagian wanita.

-- BERNAMA

APG RON